


PADA JANUARI 2017, DEMONSTRASI DAN TUNJUK PERASAAN DIJALANKAN DI SELURUH TAMIL NADU, INDIA BAGI MENCABAR LARANGAN MAHKAMAH AGUNG TERHADAP SUKAN TRADISIONAL, IAITU *JALLIKATTU*. LARANGAN YANG DIPERKENALKAN PADA 7 MEI 2014 ITU AKAN MENGENAKAN HUKUMAN TERHADAP INDIVIDU ATAS KEKEJAMAN TERHADAP BINATANG DI BAWAH AKTA PENCEGAHAN KEKEJAMAN TERHADAP HAIWAN, 1960. HAL INI MENJURUS KEPADA KEMUNCULAN PERDEBATAN AWAM YANG DILAKUKAN MENERUSI MEDIA ELEKTRONIK DAN CETAK TENTANG SEJARAH, POLITIK DAN ETIKA *JALLIKATTU*.

Jallikattu

ANTARA IDENTITI TAMIL DENGAN HAK ASASI HAIWAN

Perbahasan ini membawa kepada penglibatan masyarakat secara meluas, termasuklah para ahli akademik, tokoh politik, penulis, aktivis hak haiwan, dan pengkaji budaya, termasuk anggota industri filem Tamil dalam menyuarakan pendapat mereka. Perbahasan *Jallikattu* pada tahun 2017 menjadi perbincangan tentang budaya, tradisi rakyat, kemodenan, identiti, kasta, jantina, undang-undang, alam sekitar, hak haiwan dan sebagainya.

Jallikattu merupakan sukan “penjinakan” lembu jantan yang unik di Tamil Nadu. Istilah *Jallikattu* berasal daripada dua perkataan Tamil, iaitu *sallikaasu*, yang bermaksud syiling, dan *kattu*, yang bermaksud bungkusan atau kantung.





Sekumpulan peserta bertarung "menjinakkan" lembu jantan.

Permainan ini dinamakan sedemikian kerana melibatkan seekor lembu jantan yang dilepaskan melalui pintu sempit, yang dikenali sebagai *vaadivaasal*, ke dalam arena dan peserta lelaki akan cuba meraih kantung yang terikat pada tanduk lembu dengan merangkul bonggol lembu tersebut. Untuk mengawal lembu tersebut, peserta cuba mencapai ekor and tanduknya. Tujuannya adalah untuk memastikan kantung berjaya diraih tanpa dcederakan oleh lembu.

Jallikattu sangat terkenal dan meriah di Tamil Nadu, terutamanya di Alanganallur (Madurai), Trichy, Pudukkottai dan Sivaganga. *Jallikattu* merupakan



Demonstrasi secara besar-besaran diadakan pada tahun 2017.

satu daripada permainan utama dalam perayaan Mattu Pongal, iaitu pada hari ketiga dalam Pongal pada bulan Thai mengikut kalendar Tamil. Namun begitu, *Jallikattu* berlangsung pada hari pertama Pongal di Avaniyapuram.

Amalan menjinakkan lembu dalam Tamadun Lembah Indus bermula sewaktu aktiviti penggalian dijalankan pada tahun 1930-an di Mohenjo-daro. Pada masa yang sama, beberapa lukisan batu berusia 3500 tahun ditemui di Karikkiyur, sebuah perkampungan terpencil di Tamil Nadu, menunjukkan seorang lelaki mengejar seekor lembu yang memiliki bonggol besar. Menurut cerita rakyat pula, *Jallikattu* telah diraikan sejak era dinasti Nayaka, bahkan dikenali hingga hari ini sebagai *Veera Vilayattu*, iaitu sukan perwira.

Jallikattu juga sering digambarkan dalam teks sastera dan filem Tamil. Hal ini dapat dibuktikan apabila amalan dan temasya laga lembu dikatakan bermula sejak era Sangam (400

Sebelum Masihi hingga 200 Tahun Masihi). *Jallikattu* yang dikenali sebagai *Yeruthazhuvuthal* dapat dibaca dalam sebuah antologi kesusasteraan Sangam, iaitu *Kalittokai*. Antologi ini memuatkan 150 buah puisi. Dalam *Kalittokai*,

temasya ini menjadi popular dalam kalangan pejuang kerana melibatkan keberanian.

Pada tahun 1930-an pula, Kothamangalam Subbu, seorang penulis terkenal di India, menghasilkan sebuah karya cerpen yang bertajuk *Manji Virattu*. Cerpen ini berkisarkan konflik yang timbul antara dua kumpulan kasta berlatarbelakangkan sukan ini, dan pertama kalinya, penulis menggambarkan temasya ini diraikan oleh masyarakat Tamil. Beliau juga menulis sebuah novel, *Rao Bahadur Singaram*, yang diterbitkan dalam mingguan Tamil yang terkenal, *Ananda Vikatan*.

Persoalannya, apakah makna yang tersirat di balik sukan ini? Jawapannya adalah *Jallikattu* dianggap sebagai identiti, kebanggaan dan budaya masyarakat Tamil, khususnya di Tamil Nadu.

Amalan *Jallikattu* dapat ditelusuri sejak zaman kuno, dan menurut orang Tamil, amalan ini merupakan bahagian penting dalam warisan kebudayaan mereka. Selain itu, *Jallikattu* merupakan sebahagian daripada perayaan terpenting mereka. Kebanyakan orang Tamil merasakan bahawa pemerintah dan fenomena politik kontemporari tidak memberikan

Alanganallur menuntut pelucutan larangan tersebut. Sebilangan besar penunjuk perasaan terdiri daripada pelajar yang menyatakan solidariti bersama-sama rakyat tempatan. Ketika polis menangkap penunjuk perasaan pro-*Jallikattu*, berita itu tersebar melalui laman sosial, terutamanya WhatsApp. Kuasa media sosial sememangnya memainkan peranan yang penting sewaktu berlakunya demonstrasi tersebut. Pada hari yang sama, masyarakat di seluruh Tamil Nadu menganjurkan protes yang turut dipimpin oleh pelajar dan belia. Protes ini kemudiannya disebut sebagai Revolusi Thai kerana bulan

Permainan ini dinamakan *Jallikattu* kerana melibatkan seekor lembu jantan yang dilepaskan melalui pintu sempit, yang dikenali sebagai *vaadivaasal*, ke dalam arena dan peserta lelaki akan cuba meraih kantung yang terikat pada tanduk lembu dengan merangkul bonggol lembu tersebut.

Kisahnyanya tentang percintaan antara seorang gadis muda yang membela seekor lembu jantan dengan seorang pemuda yang berusaha untuk menjinakkannya. Novel ini juga diadaptasi kepada sebuah filem Tamil, *Villaiyatu Pillai*, pada tahun 1970.

Tambahan pula, pada tahun 1958, CS Chellapa menulis sebuah novel tentang *Jallikattu*, iaitu *Vadivasal*. Dari sudut filem atau budaya popular pula, selain *Villaiyatu Pillai*, *Jallikattu* juga diangkat dalam beberapa filem seperti *Murratu Kaalai* (1980) lakonan Rajinikanth, *Virumaandi* (2004) lakonan Kamal Hassan, *Karuppan* (2017) lakonan Vijay Sethupathi dan *Mersal* (2017) lakonan Joseph Vijay.

perhatian terhadap perkembangan di Selatan India, seperti yang dilakukan di Utara India. Oleh sebab itu, larangan *Jallikattu* dianggap sebagai serangan peribadi oleh kebanyakan orang Tamil dan seakan-akan penghinaan terhadap amalan budaya mereka. Pongal merupakan festival terbesar dan terpenting bagi orang Tamil dan larangan terhadap *Jallikattu* diibaratkan sebagai usaha untuk memperlekehkan integriti budaya masyarakat Tamil.

Dua festival Pongal berlalu tanpa acara *Jallikattu*, iaitu pada tahun 2015 dan 2016, sangat mengejutkan dan mengecewakan masyarakat. Walau bagaimanapun, pada Januari 2017, sekumpulan penyokong *Jallikattu* berkumpul di

Thai sinonim dengan harapan baharu.

Dari sudut perspektif lain pula, kumpulan aktivis dan pejuang hak haiwan berpendirian tegas dan menyokong sepenuhnya larangan menjalankan amalan *Jallikattu*. Organisasi seperti *People for the Ethical Treatment of Animals* dan *Federation of India Animal Protection Agencies* menentang pelaksanaan sukan ini sejak tahun 2004 lagi. Organisasi ini mengemukakan tuntutan di Mahkamah Agung India untuk mengambil tindakan dan melarang *Jallikattu* atas alasan kekejaman terhadap haiwan dan ancaman terhadap keselamatan orang awam.

Hujah utama mereka adalah sukan itu menyeksa lembu jantan



Sukan Kambala di Karnataka.

kerana dipaksa berada dalam situasi yang menakutkan dan tertekan. Selain itu, *Jallikattu* juga menimbulkan ancaman dan risiko besar terhadap para peserta dan juga penonton kerana reaksi lembu yang tidak dapat diramal. Pada masa yang sama, ternyata memang wujud kes kematian dan kecederaan dalam kalangan peserta akibat permainan ini. Lembu juga ditemui terluka, bahkan mati apabila peserta berusaha untuk menundukkan lembu itu. Perkara ini dilihat sebagai tindakan zalim dan tidak mempunyai belas kasihan terhadap kehidupan di muka bumi ini.

Namun begitu, akibat protes besar-besaran, pemerintah Tamil Nadu meluluskan pindaan terhadap Akta Pencegahan Kekejaman terhadap Haiwan 1960 untuk membenarkan semula sukan *Jallikattu* dijalankan. Pindaan tersebut kemudiannya dipersetujui oleh Presiden India dan secara




Protes yang diadakan oleh aktivis hak asasi haiwan.

efektif membatalkan larangan Mahkamah Agung serta tiada lagi hukuman atau larangan dikenakan.

Bebas daripada sebarang keputusan perundangan, kehakiman atau politik, para sentimental telah menang dalam kontroversi yang berlaku. Walau bagaimanapun, kemenangan ini juga memerlukan introspeksi. Peminat *Jallikattu* perlu memastikan bahawa sukan ini dilaksanakan dengan selamat dan lembu jantan dilindungi daripada sebarang unsur bahaya. Hal ini merupakan cabaran yang perlu dihadapi oleh penduduk Tamil Nadu.

Jika *Jallikattu* terkenal di Tamil Nadu, permainan *Kambala* pula



Poster filem *Mersal* lakonan Joseph Vijay.

mendominasi di Karnataka. Yang membezakan dua sukan ini ialah *Kambala* menggunakan kerbau. Festival ini dimulakan dengan upacara perasmian dan perarakan para petani yang mengambil bahagian bersama-sama dengan kerbau mereka. Dua ekor kerbau diikat pada bajak dan seterusnya diadakan perlumbaan. Seperti *Jallikattu*, Mahkamah Tinggi Karnataka pernah mengharamkan *Kambala* akibat tuntutan aktivis.

Budaya, tradisi dan warisan sememangnya memainkan peranan yang penting dalam sesebuah agama, bangsa, etnik atau masyarakat. Sekiranya budaya dicabar, maka identiti juga akan tercalar. Namun begitu, sekiranya sesebuah budaya itu dilihat melampaui batas dan melanggar hak asasi, maka perlu dikaji semula demi kesejahteraan hidup bersama. **DB**